



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN HAL EHWAL PENGGUNA

TEKS UCAPAN

YB DATO' ROSOL BIN WAHID
TIMBALAN MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN HAL EHWAL PENGGUNA

SEMPENA

PERHIMPUNAN BULANAN KPDNHEP BULAN JUN 2022

PADA

16 JUN 2022 (KHAMIS)

TEMPAT

DEWAN SERBAGUNA ARAS G, KPDNHEP

TERIMA KASIH SAUDARA/SAUDARI PENGACARA MAJLIS

YANG BERHORMAT DATO SRI ALEXANDER NANTA LINGGI

MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI

DAN HAL EHWAL PENGGUNA

YBHG. DATUK AZMAN BIN MOHD YUSOF

KETUA SETIAUSAHA KPDNHEP

YBHG. DATUK ROZIAH BINTI ABUDIN

TKSU (PEMBANGUNAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI)

YBHG. DATIN ROSZANINA BINTI WAHAB

TKSU (PENDAYAUPAYAAN PENGGUNA)

KETUA-KETUA AGENSI

PENGARAH-PENGARAH KANAN SEKTOR DAN PENGARAH-
PENGARAH BAHAGIAN

WARGA KERJA KEMENTERIAN

SALAM SEJAHTERA, SALAM KELUARGA MALAYSIA

1. ALHAMDULILLAH, BERSYUKUR KE HADRAT ALLAH SWT HARI INI DAPAT KITA BERSAMA-SAMA DALAM MAJLIS PERHIMPUNAN BULANAN KPDNHEP BAGI BULAN JUN 2022. IZINKAN SAYA MEMULAKAN UCAPAN DENGAN MERAKAMKAN SETINGGI-TINGGI PENGHARGAAN DAN TERIMA KASIH KEPADA YB MENTERI, DATO SRI ALEXANDER NANTA LINGGI YANG SENTIASA MENARUH KEPERCAYAAN KEPADA SAYA DAN HARI INI MEMBERI PELUANG UNTUK SAYA MENYAMPAIKAN UCAPAN PADA PERHIMPUNAN BULANAN KALI INI. *HE IS ALWAYS THE MOST HUMBLE AND UNDERSTANDING BOS.*
2. JIKA ADA YANG BELUM TAHU, HARI INI MERUPAKAN ULANG TAHUN KELAHIRAN YB DATO SRI DAN SAYA MENGAMBIL RUANG INI UNTUK MENGUCAPKAN SELAMAT ULANG TAHUN KELAHIRAN KE-64. KAMI MENDOAKAN SEMOGA YB DATO SRI SENTIASA DALAM KESEJAHTERAAN DAN DILIMPAHI KEBAIKAN DAN KEJAYAAN DALAM SETIAP APA YANG DILAKUKAN.
3. SAYA JUGA INGIN MENGAMBIL KESEMPATAN DI SINI UNTUK SEKALI LAGI MENGUCAPKAN TAHNIAH KEPADA YBGH KSU, DATUK AZMAN MOHD YUSOF ATAS PENGURNIAAN DARJAH KEBESARAN PERSEKUTUAN PANGLIMA JASA NEGARA YANG MEMBAWA GELARAN DATUK PADA ISTIADAT SEMPENA ULANG TAHUN HARI KEPUTERAAN RASMI KE BAWAH DYMM YANG DI-PERTUAN AGONG PADA 6 JUN LALU.

4. TIDAK LENGKAP UCAPAN INI TANPA MENZAHIRKAN PENGHARGAAN DAN SYABAS KEPADA BAHAGIAN PENYELIDIKAN DAN DASAR KEPENGGUNAAN DAN BAHAGIAN STANDARD KEPENGGUNAAN SELAKU PENGANJUR YANG MENJAYAKAN PERHIMPUNAN KITA KALI INI.

WARGA KERJA KEMENTERIAN YANG SAYA KASIHI,

5. TENTUNYA PERHIMPUNAN KALI INI MEMBERI MAKNA TERSENDIRI BUAT SAYA KERANA PERTAMA KALI BERPELUANG BERDIRI DI HADAPAN ANDA SEMUA DI PENTAS INI UNTUK BERUCAP DAN BERKONGSI ASPIRASI YANG DIHARAP DAPAT MEMBERIKAN MANFAAAT UNTUK KITA MENAMBAH BAIK KUALITI PENYAMPAIAN DAN PERKHIDMATAN KEPADA SELURUH KELUARGA MALAYSIA.
6. TEMPOH LEBIH DUA TAHUN BERADA DI KPDNHEP SEBAGAI TIMBALAN MENTERI MEMBAWA BANYAK PENDEDAHAN DAN PERUBAHAN KEPADA DIRI SAYA SENDIRI. BERBEZA DENGAN KEMENTERIAN LAIN YANG MUNGKIN LEBIH FOKUS PADA KELOMPOK KUMPULAN DAN KOMUNITI TERTENTU. DI KPDNHEP, TANGGUNGJAWABNYA MENJANGKAU LEBIH BESAR MELIPUTI KEPENTINGAN LEBIH 32 JUTA RAKYAT YANG SEMUANYA ADALAH PENGGUNA, WAIMA SEORANG BAYI. KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA INI UNIK KERANA BERTANGGUNGJAWAB TERHADAP KESEJAHTERAAN PENGGUNA DAN DALAM MASA SAMA TURUT MEMIKUL TANGGUNGJAWAB MERANGSANG PERTUMBUHAN PERDAGANGAN DOMESTIK NEGARA. CABARAN DAN

AMANAH YANG DIPIKUL INI BUKAN MUDAH KERANA MENUNTUT TITIK KESEIMBANGAN UNTUK MENGHARMONIKAN KEPENTINGAN DUA PIHAK YANG KONTRA IAITU PENGGUNA DAN PENIAGA.

7. DALAM TEMPOH 32 TAHUN KEMENTERIAN INI DIWUJUDKAN, SABAN TAHUN BANYAK PERUBAHAN YANG DIBAWA DALAM EKOSISTEM PEMBANGUNAN PERDAGANGAN DOMESTIK DAN LANDSKAP PENDAYAUPAYAAN PENGGUNA YANG MENJADI ANTARA KEKUATAN DAN AGENDA UTAMA KEMENTERIAN INI.
8. NAMUN, DALAM TEMPOH DUA TAHUN TERKINI BERMULA 2020, TIDAK PERNAH KITA JANGKA SEKTOR KESIHATAN, KESELAMATAN DAN EKONOMI NEGARA DAN DUNIA BUAT KALI PERTAMA DALAM SEJARAH DIBADAI PANDEMIK COVID-19 YANG SEKALIGUS MERUBAH BANYAK NORMA KEHIDUPAN KITA. BUKAN SAHAJA BANYAK NYAWA MANUSIA TERKORBAN AKIBAT SERANGAN COVID-19, TETAPI JUGA MENGHIMPIT KITA DENGAN KELEMBAPAN EKONOMI, SEKATAN PERGERAKAN DAN PALING KETARA MEWUJUDKAN KEHIDUPAN NORMA BARU BUAT KITA SEMUA.
9. BERLANDASKAN INI, SAYA AMAT MENKAGUMI SEMANGAT ANDA SEMUA YANG TETAP MEMBERI KOMITMEN TINGGI DALAM TUGAS, WALAUPUN BERDEPAN PANDEMIK YANG TIDAK PERNAH KITA ALAMI SEBELUM INI. ALHAMDULILLAH, DI SEBALIK SEGALA CABARAN YANG MENDATANG, KITA BERJAYA MENGHARUNGINYA BERSAMA DAN

MEMBOLEHKAN NEGARA KINI MELEPASI SENGSARA DAN BERALIH KE FASA ENDEMIK.

HADIRIN YANG SAYA HORMATI SEKALIAN,

10. SAYA MEMAHAMI, SEIRING DENGAN PEREDARAN ZAMAN KE ERA LEBIH MODEN DAN BERTEKNOLOGI TINGGI, PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB KITA DI KEMENTERIAN INI SEMAKIN MENCABAR TERUTAMA DALAM MENANGANI ISU-ISU KEPENGGUNAAN KHUSUSNYA YANG MEMBABITKAN KESTABILAN HARGA DAN KEBERADAAN BEKALAN, PENYELUDUPAN BARANG BERSUBSIDI, PENJUALAN BARANGAN TIRUAN DI SAMPING CABARAN UNTUK KEMBALI MEMPERKUKUHKAN SEKTOR PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN EKONOMI NEGARA SELEPAS TERKESAN TERUK DENGAN PANDEMIK COVID-19.

11. JIKA DI ERA 80-AN DAN 90-AN BAHAGIAN PENGUAT KUASA CONTOHNYA MUNGKIN HANYA MENGGERAKKAN TINDAKAN BERASASKAN ADUAN YANG DITERIMA DI SALURAN ADUAN RASMI KEMENTERIAN, NAMUN KINI KITA PERLU LEBIH PEKA, REAKTIF DAN PROAKTIF TERHADAP ADUAN DAN ISU-ISU VIRAL DI LAMAN SOSIAL. BAGAIMANAPUN, DALAM MASA SAMA PENGGUNA PERLU TERUS DIDIDIK UNTUK LEBIH BERTANGGUNGJAWAB MENYALURKAN ADUAN YANG LENGKAP DENGAN PERINCIAN LOKASI SERTA DIIRINGI SOKONGAN GAMBAR DAN RESIT YANG AKAN MEMUDAH DAN MEMPERCEPATKAN HASIL SIASATAN.

12. SAYA INGIN MENGAMBIL KESEMPATAN DI SINI UNTUK MENYENTUH MENGENAI PENTINGNYA PEMBANGUNAN MODAL INSAN DAN INTEGRITI TINGGI DALAM PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN KITA. DUA ELEMEN UTAMA INI DAPAT MELETAKKAN PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN KITA PADA KUALITI TERBAIK, MEMBUATKAN KITA LEBIH DIHORMATI DAN MENJAUHKAN KITA DARIPADA SEBARANG UNSUR YANG BOLEH MENCALAR IMEJ DIRI DAN KERAJAAN.

13. KECEKAPAN, KETELUSAN DAN KUALITI PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN KITA KEPADA RAKYAT PERLU SEIRING DENGAN MOTTO KEMENTERIAN 'PERDAGANGAN SIHAT PENGGUNA BERKAT'. INI PENTING BAGI MEMASTIKAN TAHAP PERKHIDMATAN KITA MEMENUHI EKSPEKTASI RAKYAT, SEKALIGUS MENCAPAI ASPIRASI KEMENTERIAN SENDIRI SEBAGAI PEMUDAH CARA DAN PENASIHAT DALAM SEKTOR PERDAGANGAN DOMESTIK DAN KEPENGGUNAAN. DENGAN KEMUDAHAN TEKNOLOGI PADA HARI INI YANG MEMBANTU MENINGKATKAN KECEKAPAN TUGAS, TIDAK SEHARUSNYA LAGI TIMBUL ISU-ISU YANG REMEH SEPERTI PEGAWAI SUKAR DIHUBUNGI, BORANG PERMOHONAN HILANG DAN SEBAGAINYA.

14. DALAM KITA SERIUS DAN TEGAS MELAKSANAKAN SETIAP TINDAKAN YANG DIAMBIL, SAYA PERCAYA SUNTIKAN **NILAI EMPATI** DALAM MERUNGKAI SETIAP PERMASALAHAN YANG DATANG JUGA PENTING. PENDEK KATA, PERLU ADA SEDIKIT **PERTIMBANGAN** DALAM KETEGASAN KITA **KERANA MATLAMAT HUKUMAN ADALAH MENDIDIK.**

15. SAYA YAKIN INI AKAN MEMBERIKAN NILAI SENTUHAN YANG AMAT BERMAKNA KEPADA SETIAP PELANGGAN KITA. MUNGKIN KESANNYA KECIL PADA KITA, TETAPI BESAR BUAT MEREKA. MEREKA MAHUKAN PERKHIDMATAN DAN TINDAKAN YANG CEPAT DAN TEPAT. KECEKAPAN MENJAWAB PANGGILAN DAN MELAYANI ADUAN, KESEDIAAN UNTUK BERJUMPA, KOMUNIKASI DUA HALA DAN BERLIBAT URUS, SEMUANYA DINILAI MENJADI UKURAN TAHAP KUALITI PERKHIDMATAN KITA.

WARGA KERJA KEMENTERIAN YANG SAYA HORMATI SEKALIAN,

16. SAYA JUGA INGIN MENCADANGKAN SUPAYA KEMENTERIAN MENGAKTIFKAN SEMULA PELAKSANAAN HARI BERTEMU PELANGGAN SEBAGAI PLATFORM YANG DAPAT MENDEKATKAN LAGI RAKYAT DENGAN KEMENTERIAN, SEKALIGUS MEWUJUDKAN BUDAYA MESRA PELANGGAN DAN MEMUDAHKAN KOMUNIKASI DUA HALA. MELALUINYA JUGA PENYEBARAN MAKLUMAT KEMENTERIAN SECARA TERUS KEPADA PELANGGAN DAPAT DIPERTINGKATKAN.

17. PERKHIDMATAN KITA JUGA PERLU TELUS DAN BEBAS DARIPADA PERKARA YANG MEMUSNAHKAN SEPERTI RASUAH. KETAHUILAH HASIL YANG DIPEROLEHI DARIPADA RASUAH ADALAH HARAM DAN TIDAK BERKAT. AMALAN RASUAH BUKAN SAHAJA BOLEH MEMBERI KESAN BURUK

KEPADA KECEKAPAN DAN INTEGRITI PENTADBIRAN AWAM, MENJATUHKAN NILAI MORAL, MENGIKIS KEPERCAYAAN DAN MENZALIMI KEADILAN, MALAH LEBIH BURUK LAGI BOLEH MERUNTUHKAN SEBUAH NEGARA. **MARUAH DAN INTEGRITI PERLU DIPELIHARA.**

RASULULLAH SALLALLAHU ALAIHI WASSALLAM BERSABDA:

SETIAP DAGING YANG TUMBUH DARIPADA MAKANAN YANG HARAM, NERAKALAH YANG LEBIH LAYAK BAGINYA.

18. JANGAN JADIKAN IA BARAH YANG AKAN MEMBUNUH INTEGRITI DALAM PERKHIDMATAN KITA. SEJUJURNYA, SAYA SEDIH MELIHAT LAPORAN-LAPORAN MENGAITKAN PENJAWAT AWAM DENGAN RASUAH DAN IA BUKAN BUDAYA YANG SEPATUTNYA BERADA DI KALANGAN KITA.
19. **BAK KATA MAHATMA GANDHI – EARTH PROVIDES ENOUGH TO SATISFY EVERY MAN’S NEEDS, BUT NOT EVERY MAN’S GREED**

HADIRIN SEKALIAN,

20. SEJAJAR TEMA KITA PADA BULAN INI IAITU **PENGGUNA BESTARI NEGARA LESTARI**, SUKA SAYA MENEKANKAN KESEDARAN HAK DAN TANGGUNGJAWAB PENGGUNA MERUPAKAN FAKTOR UTAMA DALAM MEMASTIKAN PERLINDUNGAN PENGGUNA DI MALAYSIA TERJAMIN. MELALUI TAHAP KESEDARAN YANG TINGGI, KUASA PENGGUNA DAPAT DIPERKASAKAN BAGI MEWUJUDKAN

SUASANA YANG HARMONI SERTA MENGGALAKKAN KESEIMBANGAN HAK DAN TANGGUNGJAWAB DI ANTARA PENGGUNA, INDUSTRI DAN KERAJAAN.

21. DALAM HAL INI, KPDNHEP MENGGERAKKAN PELBAGAI PROGRAM DAN INISIATIF TERMASUK PEMERKASAAN MAJLIS PENASIHAT PENGGUNA NEGARA (MPPN).

22. UNTUK MAKLUMAN SEMUA, YB MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA TELAH MELANTIK 16 ORANG AHLI MPPN BAGI SESI 2022-2023 YANG AKAN DIKETUAI OLEH TUAN HAJI MOHD AZMI BIN ABD HAMID, AKTIVIS PENGGUNA YANG DIHORMATI SEBAGAI Pengerusi MPPN dan YBHG DATUK HAJI AZMAN BIN HAJI YUSOFF, SEORANG AHLI PERNIAGAAN YANG DISEGANI SELAKU TIMBALAN Pengerusi MPPN.

23. PADA HARI INI, SATU SESI PENYERAHAN WATIKAH KEPADA AHLI MPPN AKAN DIADAKAN SEBAGAI SIMBOLIK KEPADA PENGIKTIRAFAN DAN TANGGUNGJAWAB MPPN DALAM MEMBANTU DAN MENASIHATI KEMENTERIAN BERKAITAN HAL EHWAL PENGGUNA. TAHNIAH BUAT SEMUA AHLI MPPN DAN SEMOGA MPPN DAPAT MENYUMBANG SESUATU UNTUK NEGARA.

24. BERDASARKAN KEPAKARAN, PENGETAHUAN DAN PENGALAMAN AHLI-AHLI MPPN, SAYA YAKIN MPPN BOLEH MENJADI *PLATFORM* ALTERNATIF YANG STRATEGIK BAGI KEMENTERIAN UNTUK MENDAPATKAN PANDANGAN DAN

SYOR *BOTTOM-UP* DALAM MEMPERKASAKAN
PENDAYAUPAYAAN PENGGUNA KE TAHAP MAKSIMUM.

25. SEBELUM SAYA MENGAKHIRI UCAPAN INI, SEKALI LAGI SAYA INGIN MENGULANGI BAHAWA SAYA GEMBIRA DAN BERBANGGA DAPAT BERSAMA ANDA SEMUA DI KEMENTERIAN INI DAN SAYA MENYERU SELURUH KEPIMPINAN SERTA WARGA KERJA KPDNHEP UNTUK BERSAMA-SAMA MEMBUDAYAKAN DAN MENERAPKAN NILAI INTEGRITI YANG TINGGI DALAM MELUNASKAN AMANAH DAN TANGGUNGJAWAB KEPADA NEGARA. SETIAP TINDAKAN KITA PERLU RASIONAL DAN DISULAMI DENGAN NILAI EMPATI KERANA APA JUA TINDAKAN YANG DIAMBIL AKAN MEMBERI KESAN KEPADA KELUARGA MALAYSIA YANG KITA CINTAI INI.

26. DENGAN ITU SAYA AKHIRI UCAPAN SAYA PADA HARI INI
DENGAN WABILAHITAUFIKWALHIDAYAH,
ASSALAMUALAIKUM WBTH.